**KN jaga orang Islam**

MS2, 7 & 8







PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

16 – 31 JULAI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Pusat Dialisis CAT di 5 daerah hasrat Kerajaan Negeri

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD & LAW SUUN TING**

**PULAU BETONG, BALIK PULAU -** Demi kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri bakal mewujudkan empat lagi Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang di setiap daerah selain yang beroperasi di Balik Pulau kini (bagi Daerah Barat Daya) pada penggal ini.

Ini termasuk di Farlim bagi Daerah Timur Laut, Bertam (Seberang Perai Utara, SPU), Seberang Jaya (Seberang Perai Tengah, SPT) dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang masih belum dikenalpasti lokasinya.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada Majlis Sambutan Hari Pesakit & Ulang Tahun Pertama Pusat Dialisis CAT Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Katanya, dalam negara, banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wujudkan pusat dialisis, namun, banyak juga yang tiada lesen.

"Malah, hanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merupakan Kerajaan Negeri yang mempunyai pusat dialisis sendiri.

"Malah, sebelum habis penggal ini, kita (Kerajaan Negeri) berharap untuk wujudkan pusat-pusat dialisis sendiri (Pusat Dialisis CAT) di setiap daerah seluruh negeri Pulau Pinang. Ini bagaimanapun bergantung kepada permohonan lesen yang memerlukan kelulusan pihak kementerian," ujarnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan majlis penuh bermakna tersebut yang turut dihadiri 24 pesakit yang mendapat rawatan dialisis di pusat berkenaan.

Turut diadakan adalah lawatan ke pusat yang menempatkan enam mesin dialisis dimanfaatkan para pesakit membabitkan kawasan luar bandar. Menerusi inisiatif tersebut, setiap pesakit hanya perlu membayar RM30 hingga RM80 daripada jumlah kos sebenar berjumlah RM110.

Setahun lalu, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang terus memperkasakan program kemasyarakatan dengan pembinaan Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang (Daerah Barat Daya) bagi memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan rawatan bagi pesakit buah pinggang.

Projek seumpamanya yang menepati komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) adalah hasil usahasama syarikat pembekal peralatan perubatan, *B. Braun Medical Industry* yang menaja mesin dialisis dengan keseluruhan kos berjumlah RM500,000.

Guan Eng dalam pada itu memberitahu, hasil kecekapan pengurusan kewangan negeri, Kerajaan Negeri berupaya merealisasikan pengwujudan pusat dialisis tersebut dan turut memberikan subsidi bagi rawatan berkaitan kepada golongan memerlukan tanpa mengira fahaman politik mahupun perbezaan agama dan bangsa.

"Atas dasar kebajikan, pusat yang kini dibekalkan dengan mesin dialisis tercanggih di dunia adalah bukan bermatlamatkan keuntungan. Kerajaan Negeri telahpun membelanjakan RM2 juta dari segi kewangan dan infrastruktur untuk menubuhkan pusat ini.

"Hasrat kita (Kerajaan Negeri) adalah untuk melanjutkan Pusat Dialisis CAT di setiap lima daerah di negeri Pulau Pinang melalui perkongsian dengan pihak swasta.

"Saya percaya, penglibatan pihak swasta dalam program dan projek seumpama ini adalah menepati komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) organisasi masing-masing," jelas beliau yang turut menasihati umum supaya kurangkan pengambilan makanan manis.

Nyatanya, Kerajaan Negeri boleh bina lebih banyak Pusat Dialisis CAT, namun, ia masih tidak akan cukup sekiranya rakyat tiada disiplin untuk belajar hidup dengan sihat.

"Yang penting adalah pencegahan. Jangan makan terlalu manis walaupun 'manis' itu sangat diminati ramai," seru beliau.

***(Reaksi pesakit di muka surat 10).***



**PESAKIT, Ismail Ibrahim sedang mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang (Daerah Barat Daya) yang selesa dan dilengkapi dengan kemudahan mesin rawatan tercanggih dunia.**

## Tragedi MH17 - bendera separuh tiang di P. Pinang

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri mengadakan upacara mengibarkan bendera separuh tiang selama tiga hari (bermula 18 Julai lalu) sebagai memperingati mangsa-mangsa nahas kapal terbang penerbangan MH17 di ruang udara Ukraine baru-baru ini.



**BENDERA negeri dikibarkan separuh tiang bagi memperingati mangsa-mangsa nahas kapal terbang penerbangan MH17 di sini baru-baru ini.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya, menuntut keadilan dunia ke atas semua kehilangan jiwa yang dianggap sebagai suatu tragedi pembunuhan.

"Ini merupakan pembunuhan zalim beramai-ramai kerana tiada faktor (atau) masalah teknikal. Kita tuntut keadilan dunia untuk semua mangsa dalam tragedi ini," tegasnya dalam nada sayu.

Menurut Guan Eng, upacara tersebut juga sebagai penghormatan kepada semua mangsa yang terbabit dalam insiden kehilangan pesawat MH370 sebelum ini.

Semua Exco Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan serta agensi kerajaan turut serta pada himpunan tersebut.

Sebelum itu, Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor memimpin bacaan doa selamat untuk semua mangsa serta rakyat Pulau Pinang supaya diberi ketabahan dengan ujian seumpama tragedi MH370 sebelum ini.

# Insentif guru agama bukti KN martabat Islam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan insentif RM300 kepada Guru Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) dan guru agama, manakala, RM200 kepada guru tadika Islam (TADIS), guru pondok dan guru tahfiz di negeri ini sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya memberitahu, Kerajaan Negeri akan terus bertindak dalam memartabatkan Islam di negeri ini walaupun seringkali diberi gambaran serong oleh Pembangkang Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) senantiasa menghormati agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan.

"Dan, saya percaya apa-apa khabar angin yang mereka (Pembangkang Pulau Pinang) sebarkan mengenai Kerajaan Negeri dan saya, saya rasa saya nak jawab dengan tindakan sebagaimana kita buat di Masjid Seberang Jaya ini," ujarnya pada Majlis Berbuka Puasa dan Program Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kepada Guru KAFA/SAR/Tahfiz/Tadis/Guru Pondok 2014 di sini baru-baru ini.




**WAKIL guru besar tadika Islam (TADIS) menerima replika cek daripada Anwar Ibrahim (dua dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.**



**ANWAR Ibrahim (kiri sekali) bersalaman dengan salah seorang tetamu, Dr. Badrulamin Bahrom pada Majlis Berbuka Puasa dan Program Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Kepada Guru KAFA/SAR/Tahfiz/Tadis/Guru Pondok 2014 di sini baru-baru ini.**

Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia merangkap Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut berucap, serta menyempurnakan majlis penyerahan insentif kepada semua penerima berwajib.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), dan Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubok) turut hadir pada majlis itu.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar, Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

Menurut Guan Eng, pentadbirannya turut akan terus berusaha mendalamkan persefahaman antara agama di negeri ini walaupun terpaksa berdepan dengan politik perkauman melampau oleh pihak tertentu.

Atas maksud itu, katanya lagi, Kerajaan Negeri pada 17 Julai lepas, buat pertama kali, Kerajaan Negeri menganjurkan majlis bersahur melibatkan kakitangan kerajaan, tidak kira orang Islam mahupun bukan Islam.

"(Majlis Sahur) itu adalah perkembangan yang baik untuk mendalamkan persefahaman antara agama. Kita akan meneruskan usaha ini supaya (rakyat) Pulau Pinang terus bersatu padu.

"Kita mahu meneruskan hubungan silaturrahim sesama semua bangsa di Pulau Pinang," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada Rosli kerana menaja majlis berbuka puasa yang diadakan serentak dengan majlis penyampaian insentif berkenaan.

## Pusat digesa perjelas status 2 projek penswastaan negeri

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Kerajaan Persekutuan supaya memperjelaskan status dua projek penswastaan mega melibatkan Pelabuhan Pulau Pinang dan Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Butterworth, Seberang Perai Utara kepada rakyat negeri ini.

Katanya, kedua-dua perkara tersebut penting demi menjamin vialibiliti operasi kewangan, pengurusan profesional dan masa depan Pelabuhan Pulau Pinang yang mampu berdaya saing dengan pelabuhan lain.

"Dengan kemasukan pelabuhan di antara yang terbesar di Malaysia, Pelabuhan Pulau Pinang memainkan peranan utama untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

"Oleh itu, demi prinsip akauntabiliti dan ketulusan, Kerajaan Persekutuan harus memberikan jawapan kepada rakyat Pulau Pinang atas kepentingan awam," katanya dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian ekoran tiada jawapan diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen (Dewan Rakyat) berkaitan projek-projek penswastaan berkenaan yang ditanya beliau menerusi soalan lisannya bertarikh 17 Jun lalu.

Berikut adalah soalan Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan dan jawapan yang diberikan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sri Abdul Wahid Omar.

**SOALAN** :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan status penswastaan mega Pelabuhan Pulau Pinang dan Pangkalan Tentera Udara di Raja Malaysia di Butterworth yang melibatkan jumlah puluhan bilion ringgit. Mengapa tidak ada akauntabiliti rasmi daripada pihak Kerajaan Pusat kepada rakyat Pulau Pinang sehingga UMNO pun membantah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. (STSB) telah diperakukan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).




**PANGKALAN Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Butterworth. (Gambar daripada sumber internet).**

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan Perjanjian Tambahan *(Supplemental Agreement)* penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013.

Antara obligasi yang perlu dilaksanakan oleh syarikat STSB di Pelabuhan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) menyediakan kemudahan pengangkutan feri untuk rakyat Pulau Pinang, khususnya yang berulang-alik pada setiap hari dari Butterworth ke Pulau Pinang (yang memerlukan kos yang besar, di mana Syarikat Seaport terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM16 juta pada setiap tahun);

(ii) mengambilalih kakitangan Pelabuhan Pulau Pinang;



**PELABUHAN Pulau Pinang.**

(iii) mengambilalih beban hutang syarikat PPSB yang melebihi RM1.2 bilion;

(iv) menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama *(capital dredging-* dengan izin), dari 11.5 meter kepada 14.5 meter; dan

(v) membuat suntikan modal (*cash injection* – dengan izin) bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan.

Pada dasarnya dalam penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang tidak timbul isu akauntabiliti memandangkan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah dilaksanakan secara tender terhad (*restricted tender* – dengan izin) dan keputusan Kerajaan untuk menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang adalah berdasarkan pada pertimbangan komersial dan teknikal. Hasrat Kerajaan adalah untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan pengoperasian Pelabuhan Pulau Pinang dapat diteruskan. Di samping itu, pihak Kerajaan juga memiliki (*Special or Preference Share* – dengan izin) di dalam syarikat yang mana ianya secara tidak langsung dapat memastikan kepentingan Kerajaan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai status projek Pemindahan dan Pembangunan Semula Pengkalan Udara (PU) Butterworth pula, difahamkan ia masih di peringkat kajian cadangan Kementerian Pertahanan.

Sekian, terima kasih.

# Majlis Kesyukuran, Jamuan Berbuka Puasa rai Hari Jadi TYT Ke-76

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM** – Lebih 300 hadirin menyertai Majlis Kesyukuran dan Jamuan Berbuka Puasa di Masjid Syeikh Abdullah Fahim, Kepala Batas sempena Hari Jadi Rasmi Kali Ke-76 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang baru-baru ini

Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor memimpin bacaan Surah Yaa Sin dan Tahlil pada majlis kesyukuran TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.



**SETIAUSAHA Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai, Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) bersama-sama Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Jusni Ismail (depan, dua dari kiri) mengadakan perbincangan kecil**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) turut hadir pada majlis itu.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Datuk Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Mahkamah Sharie Pulau Pinang), Datuk Razali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang, JHEIPP), Datuk Wira Abd. Rahim Hanafi (Ketua Polis Negeri), Datuk Seri Mohd. Yussof Latiff (Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang, PEMENANG) serta Ketua-ketua Jabatan dan kenamaan lain.



**DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor (enam dari kiri) memimpin bacaan Surah Yaa Sin dan Tahlil pada majlis kesyukuran TYT, Dr. Abdul Rahman Abbas di Masjid Syeikh Abdullah Fahim, Kepala Batas baru-baru ini.**

Manakala, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Datuk Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Undangan Negeri Pulau Pinang) dan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan & Utiliti) pula hanya menyertai jamuan berbuka puasa bersama Abdul Rahman.

Hari Jadi Rasmi TYT diraikan tiap-tiap tahun pada hari Sabtu minggu kedua dalam bulan Julai.

## TYT cadang tambah prasarana Masjid Bukit Bendera

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT BENDERA** - Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas mencadangkan supaya menambah prasarana termasuk bangunan tambahan dibangunkan di kawasan sekitar Masjid Bukit Bendera.

Beliau berkata demikian dinyatakan kepada Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon ketika menghadiri Majlis Berbuka Puasa Bersama-sama Kepimpinan Negeri di Masjid Bukit Bendera dekat sini baru-baru ini.

"Bangunan tersebut mencakupi ruang makan, ruang solat untuk wanita yang lebih selesa dan dewan khas untuk pelajar-pelajar tahfiz datang '*retreat*' hujung minggu atau aktiviti mengaji beramai-ramai," ulas Mohd. Rashid mengulangi cadangan TYT ketika ditemui sejurus selesai solat terawih berjemaah.

Mohd. Rashid memberitahu, TYT menyatakan cadangan berkenaan sewaktu berbual dengannya di majlis berkenaan.

Turut menyambut ketibaan TYT, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man, ADUN Sungai Bakap, Maktar Shapee, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Mufti Negeri, Sahibul Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan.

Pada majlis itu, Abdul Rahman turut meluangkan masa beramah-mesra dengan kira-kira 80 hadirin daripada pelbagai jabatan kerajaan termasuk jawatankuasa kariah masjid.

Beliau kemudiannya menunaikan solat Maghrib, Isyak dan solat sunat terawih berjemaah.



**DR. Abdul Rahman (depan, dua dari kiri) bersalaman dengan salah seorang hadirin.**



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan) mengiringi Dr. Abdul Rahman Abbas pada Majlis Berbuka Puasa Bersama-sama Kepimpinan Negeri di Masjid Bukit Bendera dekat sini baru-baru ini.**

## Harap sumbangan jadikan Ramadan lebih bermakna – Salleh Man

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAYAN LEPAS** - Seramai 623 orang umat Islam di Pulau Pinang menerima sumbangan wang tunai dan hamper pada Program Nur Ramadan 1435H anjuran Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sini baru-baru ini.



**ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Nur Ramadan 1435H di sini baru-baru ini.**

Majlis pemberian sumbangan itu adalah untuk membantu golongan kurang bernasib baik di negeri sebagai persiapan menghadapi bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, program seumpama itu merupakan program tahunan anjuran Kerajaan Negeri bagi membantu meringankan beban golongan yang layak menerima zakat menjelang musim perayaan.

"Walaupun sumbangan yang diberikan adalah tidak seberapa, sekurang-kurangnya golongan ini tidak berasa seperti dipinggirkan oleh masyarakat menjelang bulan yang mulia ini.

"Dengan sedikit bantuan dan sumbangan, diharapkan ia akan menjadikan bulan puasa dan hari perayaan lebih bermakna dan ceria buat kita semua," katanya pada Program Nur Ramadan 1435H di Masjid Umar Al Khatab di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Datuk Salleh Man (Yang di-Pertua MAINPP).

Tambahnya, program yang diadakan membuktikan bahawa kepimpinan negeri adalah amat prihatin dengan nasib golongan kurang bernasib baik di negeri ini.

"ZPP dengan kerjasama MAINPP bertungkus-lumus menjejaki asnaf yang layak bagi mengagihkan bantuan pada hari ini.

"Kerajaan Negeri akan sentiasa membela rakyat yang layak menerima bantuan tanpa sebarang birokrasi," tegasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Salleh memberitahu, agihan zakat pada hari tersebut adalah sebanyak RM311,500.00.

"Saya berharap agar penerima bantuan (pada hari ini) dapat menggunakannya untuk menjadikan bulan Ramadan pada kali ini lebih bermakna.

"Semoga anak-anak dalam kalangan yang menerima sumbangan (pada hari ini) akan membesar sebagai warganegara berjaya sekaligus menjadi salah seorang pembayar zakat di negeri ini," akhiri beliau.

# Jadikan al-Quran medium kukuh ukhuwah, martabat ummah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri berhasrat untuk melahirkan lebih ramai generasi celik al-Quran sekaligus menjadikan tuntutan itu sebagai teras kehidupan yang mampu membentengi diri daripada gejala sosisal yang kian membarah kini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, hasrat untuk menjadikan amalan membaca dan memahami al-Quran bukan semata-mata terhad dalam bulan-bulan tertentu.

Sebaliknya, beliau berhasrat untuk membudayakan amalan membaca dan memahami al-Quran dalam kalangan umat Islam di negeri ini.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, baru-baru ini, beliau melancarkan Program Bersama al-Quran di sini.

“Melalui program ini, kita akan menggalakkan khalayak umum khususnya penjawat awam di Komtar untuk memulakan amalan membaca dan memahami erti ayat-ayat suci al-Quran sama ada selama 10 minit atau 10 ayat atau satu muka al-Quran sehari.

“Hal ini selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam melahirkan satu keluarga, satu hafiz atau hafizah dan menjadikan al-Quran itu sebagai medium pengukuhan ukhuwah, memartabatkan ummah,” katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Kata Abdul Malik, banyak fadhilat jika umat Islam dapat mengamalkan dan mengekalkan selalu bacaan al-Quran seperti kata-kata dari Ibnu Mas'ud r.a berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Sesiapa membaca satu huruf dari Kitab Allah, maka baginya satu hasanah (kebaikan) dan satu hasanah itu sama dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak menyatakan alif lam mim itu satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf.” (Hadis Riwayat at-Tirmidzi)

Sehubungan itu, jelas beliau, umat Islam di negeri ini diajak bersungguh-sungguh melahirkan golongan terhebat dan unggul yang disebut sebagai generasi celik al-Quran pada masa akan datang.

“Generasi hari ini merupakan bakal pewaris kecemerlangan ummah, pencetus dan pencorak yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan.

“Atas dasar ini, perlunya kewujudan genarasi celik al-Quran agar keutuhan dan kesinambungan ukhuwah Islamiah dapat dipereratkan,” jelas beliau.




**ABDUL Malik Abul Kassim memerhatikan kandungan sepanduk promosi Program Bersama al-Quran pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Tindakan keras peniaga ayam kotor, tak patuh peraturan

**GEORGE TOWN –** Mana-mana rumah penyembelihan ayam termasuk peniaga ayam halal yang tidak mematuhi peraturan penyembelihan atau kotor akan dikenakan tindakan keras.

Perkara tersebut dinyatakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dalam satu sidang media yang diadakan di Komtar di sini baru-baru ini.

Jelasnya, hasil pemantauan di beberapa lokasi pemprosesan ayam mendapati tahap kebersihan tidak dijaga.

“Ada kedai yang tidak membuat penyembelihan dengan sempurna, sehinggakan ayam yang belum mati sepenuhnya dimasukkan terus ke dalam bekas air panas.

“Lebih menjijikkan apabila air panas yang digunakan untuk merendam ayam tidak ditukar sehingga warna merah-kemerahan dan ini amat membimbangkan kerana ia akan menyebabkan sumber bekalan ayam dicemari virus dan status halalnya juga diragui,” tegasnya.

Abdul Malik memberitahu, beliau kecewa apabila peniaga dan penyembelih ayam beragama Islam turut bersikap sambil lewa dan tidak mementingkan proses penyembelihan yang mengikut syarak.

Malah tambahnya, mereka (peniaga) turut mengabaikan aspek kebersihan dan penyembelih juga tidak mempunyai sijil bertauliah serta ada yang menggunakan warga asing sebagai tukang sembelih.

Justeru, Abdul Malik menegaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa berkaitan akan melipatgandakan operasi penguatkuasaan pembekalan ayam halal seluruh negeri.

“Operasi bersepadu dan tindakan keras akan diambil sekiranya didapati peniaga ayam tidak mematuhi undang-undang, kerana ia melibatkan status halal dan haram serta isu kesihatan.



**ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) ditemani Faizal Ibrahim (kiri) dan Ku Nafishah Ku Ariffin pada sidang media di sini baru-baru ini.**

“Selain itu, saya juga akan berjumpa dengan pembekal dan peniaga ayam halal seluruh Pulau Pinang bagi membincangkan aspek penguatkuasaan dan peraturan penyembelihan yang wajar,” ujarnya.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Ku Nafishah Ku Ariffin berkata, sehingga kini terdapat satu kes keracunan makanan melibatkan ayam direkodkan.

“Hasil daripada pemeriksaan, kami (KJNPP) mendapati ayam berkenaan sudah tercemar ketika dibawa masuk dari Kedah ke Pulau Pinang dan sepanjang perjalanan tersebut, ayam-ayam tersebut tidak mempunyai pelindungan sempurna.

“Antara bakteria yang berpunca dari ayam ialah bakteria *salmonella* yang boleh menyebabkan keracunan melalui pencemaran silang pengendali ayam,” nyata beliau.

Manakala, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP), Faizal Ibrahim berkata, terdapat 360 pemegang sijil tauliah penyembelihan ayam halal di Pulau Pinang yang kebanyakannya ditempatkan di rumah-rumah penyembelihan.

“Sebaliknya, peniaga-peniaga ayam di pasar-pasar basah ini tidak mempunyai sijil tauliah daripada jabatan agama.

Justru, Faizal menyeru supaya peniaga atau pengendali ayam halal yang ingin mendapatkan sijil tauliah berkenaan supaya menghubungi JHEAIPP melalui talian 04 - 250 5450.

## Iftar & sumbangan Ramadan bersama qariah Sg. Nibong



**SALAH seorang penerima sumbangan bersalaman dengan Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Iftar di Musalla Taman Sri Nibong di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Datuk Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini mengadakan Majlis Iftar bersama hampir 100 penduduk sekitar kawasan Sungai Nibong Kechil dan Taman Sri Nibong di sini.

Majlis yang berlangsung dalam kesederhanaan tersebut bermula dengan agenda gotong-royong menyediakan hidangan berbuka puasa bagi menjalin semangat muhibbah antara penduduk setempat.

Malah, majlis tersebut juga cukup bermakna buat hampir 45 keluarga dari qariah itu apabila Mohd. Rashid turut menyampaikan bantuan sumbangan keperluan harian seperti beras dan barang masakan kepada mereka bagi meringankan beban ditanggung sempena sambutan bulan yang mulia ini.

Majlis Iftar anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Nibong Besar di Musalla Taman Sri Nibong turut dihadiri Pengerusinya, Datuk Prof. Dr. Mahyuddin Ramli.

# Cadangan kajian semula tarif air, PBAPP tunggu jawapan SPAN

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), anak syarikat PBA Holdings Berhad (PBAHB) belum menerima sebarang jawapan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengenai cadangan kajian semula tarif air di negeri ini.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi PBAHB, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, PBAPP telah mengemukakan kajian semula tarif air pada 30 April tahun lalu, namun masih belum menerima apa-apa jawapan dan dengan itu tiada sebarang kenaikkan tarif akan dibuat masa ini.

"Kita (PBAPP) masih belum melaksanakan cadangan kenaikkan tarif air kerana masih menunggu jawapan daripada SPAN berhubungan perkara tersebut," katanya dalam satu sidang media sejurus selepas Mesyuarat Agung Tahunan ke-14 PBAPP di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa dan Pengurus Kewangan PBAPP, Joyce Lee Suan Imm.

PBAHB mencatat keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM27.93 juta pada tahun 2013 dan dijangka mencatat pendapatan lebih tinggi apabila cadangan tarif baharu diluluskan SPAN.

Menurut Guan Eng, pendapatan tambahan daripada cadangan kenaikkan tarif air itu bakal digunakan untuk membiayai projek prasarana bekalan air kritikal, pengurusan bekalan air lestari dan mempromosikan budaya penjimatan air dalam kalangan masyarakat di Pulau Pinang.

"Pada tahun 2013, kita mendapati peningkatan 1.5 peratus pengguna air berdaftar di Pulau Pinang, iaitu 295.1 bilion liter berbanding tahun 2012, 290.6 bilion liter sahaja.

"Melalui pengurusan bekalan yang baik oleh PBAPP, catuan air dapat dielakkan bermula Januari hingga April lalu," ujar beliau.

Tambahnya, melalui kajian semula tarif air pada 2014, PBAPP akan memastikan semua 546,749 pelanggannya terus menikmati 100 peratus liputan bekalan air di bandar berbanding purata kebangsaan 96.9 peratus.

"Manakala, peratus bekalan air untuk populasi luar bandar adalah 99.7 peratus berbanding purata kebangsaan 90.7 peratus.




**(Dari kiri), PROF. Dr. P. Ramasamy, Mohd. Rashid Hasnon, Ketua Menteri, Ir. Jaseni Maidinsa dan Joyce Lee Suan Imm dalam sidang media sejurus selepas Mesyuarat Agung Tahunan ke-14 PBAPP di sini baru-baru ini.**

"Ini adalah kenaikkan pertama bagi caj minimum domestik sejak 1985. Pada tahun 1993, caj bagi bekalan air domestik dan tarif penggunaan sehingga 40 meter padu dikaji semula dan kali terakhir tarif domestik bagi kepenggunaan sehingga 40 meter padu sebulan dikaji semula pada tahun 2001," nyata Guan Eng.

Jelasnya, di bawah cadangan dikemukakan kepada SPAN, tarif air akan dinaikkan dengan purata 20 peratus.

"Tarif bagi 20,000 liter penggunaan domestik yang pertama tidak ada perubahan, manakala tarif bagi penggunaan 20,000 liter – 40,000 liter hanya akan meningkat sebanyak 9.5 peratus.

"Dengan pelarasan minimum bagi *band* terendah dalam penggunaan domestik, Pulau Pinang masih mengekalkan purata tarif terendah di Malaysia pada RM0.32 setiap 1,000 liter bagi 35,000 liter yang pertama sebulan. Manakala purata caj kebangsaan terkini ialah pada kadar RM0.66 setiap 1,000 liter," ujar beliau.

# Rashid hasrat hidupkan kawasan sekeliling Masjid Melayu

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat memajukan kawasan sekitar Masjid Melayu Lebuh Acheh di sini yang pernah mahsyur dalam kalangan umat Islam yang ingin menunaikan fadhu haji suatu ketika dahulu.



**KETIBAAN Dr. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) disambut oleh Mohd. Rashid Hasnon (berbaju Melayu ungu) pada Majlis Berbuka Puasa di Masjid Melayu Lebuh Acheh Bersama-sama TYT di sini baru-baru ini.**

"Saya berhasrat 'menghidupkan' kawasan sekeliling terutamanya rumah penduduk di sini supaya ia lebih 'hidup' dan segar.

"Perkara ini sudah lama dibincangkan dan kita (Kerajaan Negeri) akan menulis surat kepada Jabatan Warisan Negara bagi menilai peruntukan sewajarnya demi memajukan pelan tersebut," ujarnya pada Majlis Berbuka Puasa di Masjid Melayu Lebuh Acheh Bersama-sama Yang di-Pertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, mufti negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor.

Majlis berbuka puasa yang dianjurkan juga adalah bersempena sambutan hari Pengisytiharan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran para pelancong asing yang turut serta berbuka.

Tambah Mohd. Rashid, antara langkah-langkah yang difikirkan perlu dalam menceriakan kawasan berkenaan adalah pada aspek penambahan pencahayaan, papan tanda serta merangka lebih banyak aktiviti di kawasan sekitar.

# Mengapa projek SPRWS masih sangkut? - KM

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang telahpun memenuhi permintaan Kerajaan Pusat bagi mengoptimumkan penggunaan air dengan menaikkan kadar tarif air, tetapi, menjadi persoalan serius adalah mengapakah projek Skim Bekalan Air Mentah (SPRWS) dari Sungai Perak masih tersangkut?, soal Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melalui kenyataan akhbarnya di sini baru-baru ini.

Persoalan tersebut adalah berikutan pendedahan jawapan bertulis kepada soalan Parlimen Guan Eng bertarikh 17 Jun lalu daripada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Sri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili yang menyatakan bahawa projek SPRWS hanya boleh dilaksana dan dipertimbangkan sekiranya Kerajaan Negeri terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan Negeri Perak bagi membekalkan air mentah ke sini (Pulau Pinang).

Berikut adalah soalan Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan dan jawapan yang diberikan oleh Menteri berwajib.

**SOALAN :**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan permohonan pelaksanaan Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) Pulau Pinang RM2 bilion bagi menjamin bekalan air mulai 2020. Sekiranya tidak, kenapa dan apakah langkah bagi mengelakkan bekalan air yang mencukupi menjelang 2020.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang di Pulau Pinang berjumlah RM1.2 bilion. Projek yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan ini dijangka siap menjelang tahun 2016 dan akan meningkatkan kapasiti takungan air mentah sedia ada dari 22 juta meter padu ke 73.5 juta meter padu iaitu peningkatan sebanyak 51.5 juta meter padu dan mampu membekalkan air mentah di seluruh negeri Pulau Pinang sehingga melepasi tahun 2020.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan operator bekalan air perlu mengoptimumkan penggunaan air Empangan Mengkuang dan pada masa yang sama mengutamakan usaha untuk mengawal penggunaan air per kapita kepada tahap yang munasabah. Sekiranya penggunaan air per kapita domestik bagi Pulau Pinang dapat dikawal sekurang-kurangnya pada paras 250 liter/kapita/hari bagi kawasan bandar dan 240 liter/kapita/hari bagi kawasan luar bandar, saya percaya bekalan air mentah sedia ada dijangka mencukupi sehingga tahun 2030.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak (SPRWS) ke Pulau Pinang boleh dilaksanakan. Untuk itu, Kerajaan Pulau Pinang perlu terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan Negeri Perak untuk membekalkan air mentah ke Pulau Pinang. Ini memandangkan sumber air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Setelah persetujuan antara Kerajaa Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak dicapai, maka cadangan tersebut bolehlah diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Persekutuan.

# Depo Tahanan Imigresen Juru bakal berpindah

Oleh : **YAP LEE YING**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri berharap Kementerian Dalam Negeri (KDN) boleh percepatkan pemindahan keluar Depo Tahanan Imigresen dari Juru, Seberang Perai Tengah (SPT) agar memenuhi permintaan rakyat tempatan yang diganggu perjalanan pusat tahan pendatang asing tanpa izin tersebut selama ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lin Guan Eng berkata demikian susulan jawapan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi semasa menjawab surat permohonan beliau dan telah memberikan jaminan pemindahannya seperti berikut :

**YAB TUAN LIM GUAN ENG**
**Ketua Menteri Pulau Pinang**
**Pejabat Ketua Menteri**
**10502 KOMTAR**
**Pulau Pinang, Malaysia**
YAB,

**CADANGAN PUSAT PENEMPATAN SEMULA TAHANAN DI PULAU PINANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat YAB Bil.PSUKPP/21/0352/58(1021/2014) bertarikh 25 April 2014 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YAB, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil perhatian mengenai keadaan depot tahanan di Juru yang tidak sesuai digunakan, penuh dan melebihi kapasiti. Sehubungan itu, KDN bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengenalpasti tapak yang sesuai untuk pembinaan depot tahanan yang baru ini iaitu di **Lot 7370, Mukim 7, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.**

3. Lokasi tapak depot baru yang dicadangkan adalah bersesuaian dan jauh dari kediaman penduduk awam serta bersebelahan dengan Penjara Seberang Perai Selatan, Hospital Sungai Bakap dan Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan. Pada masa ini, urusan permohonan pengambilan tanah sedang giat dijalanlan dan IJM sedang mengumpul dokumen-dokumen yang berkaitan bagi urusan permohonan pengambilan tanah yang dimaksudkan.

4. Pihak Kementerian amat berbesar hati di atas keprihatinan YAB terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih

**AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

**KERTAS MAKLUMAN**
**Y.Bhg.Dato'**
**STATUS CADANGAN PEMINDAHAN DEPOT TAHANAN IMIGRESEN JURU KE TAPAK DEPOT TAHANAN IMIGRESEN PULAU PINANG YANG BARU DI LOT 1348, MUKIM 7, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (SPS) PULAU PINANG**

**1. LATAR BELAKANG**

1.1 Depot Tahanan Imigresen Juru telah beroperasi pada 14 April 1991 di mana kapasiti sediada depot ini adalah seramai 550 orang iaitu 450 lelaki dan 100 wanita.

1.2 Depot ini sudah tidak dapat menampung kapasiti tahanan yang semakin ramai.

1.3 Tapak Depot Tahanan Juru sediada merupakan kawasan yang padat penduduk. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan supaya Depot ini dipindahkan ke kawasan yang lebih sesuai.

**2. CADANGAN PENGAMBILAN TANAH BAGI PEMBINAAN DEPOT TAHANAN IMIGRESEN DI TAPAK BARU**

2.1 Jabatan telah mengenalpasti tapak cadangan Depot Tahanan yang baru dan ia terletak di Mukim 7, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang. Tanah ini mempunyai keluasan lebih kurang 15 ekar. Tapak baru ini juga terletak bersebelahan dengan Penjara Seberang Prai. Agensi lain yang berdekatan dengan tapak cadangan ini termasuk Hospital Sg. Bakap (7km) dan Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan (5km).

2.2 Butiran tanah adalah seperti berikut :
Pemilik : Land Capacity Sdn. Bhd.
Bandar / Pekan / Mukim : Mukim 07, Seberang Perai Selatan
Keluasan keseluruhan : 198.2 Hektar
Luas yang akan diambil alih : 15 Ekar (6.07 Hektar)

2.3 Anggaran bagi pengambilan tanah yang dimaksudkan adalah berjumah RM3 juta oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

2.4 Cadangan pengambilan tanah ini telah dimasukkan di dalam permohonan Projek Pembangunan Rolling Plan 4, RMK-10 dengan kos RM 4,000,000.00. Ia masih di dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi untuk kelulusan.

2.5 Jabatan Imigresen telah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan bagi permohonan tanah kepada KDN. Namun begitu, **dokumen pelan pra-hitungan**, baru sahaja diterima daripada Jurunilai swasta dan akan dikemukakan kepada KDN di dalammasa terdekat.

2.6 Permohonan bagi pembinaan depot tahanan baharu akan dikemukakan stelah urusan pengambilan tanah depot ini selesai. Permohonan bagi pembinaan depot tahanan bahari dijangkan akan dipohon di dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Sekian, terima kasih.
Unit Pembangunan, Bahagian Kewangan.

# Hasrat Jagdeep temani umat Islam berbuka puasa tertunai



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) bersama-sama anaknya membantu mengacau bubur lambuk yang dimasak di perkarangan Masjid Sheikh Eusoff dekat Kampung Dodol di sini baru-baru ini.**

**DATUK KERAMAT** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo menjelang masuk bulan Ramadan pernah menyatakan hasrat untuk menemani umat Islam berbuka puasa dan niat murni itu tertunai dalam satu majlis di perkarangan Masjid Sheikh Eusoff dekat Kampung Dodol di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan turut menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan hamper kepada sejumlah penerima terpilih sempena menyambut Ihya' Ramadan.

"Dalam satu majlis gotong-royong di sini (Kampung Dodol) sebelum ini, saya ada menyatakan keinginan untuk menyertai majlis berbuka puasa dan sekarang saya diberi peluang untuk mememani mereka berbuka puasa," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis gotong royong di Kampung Dodol di sini, yang diadakan serentak dengan majlis penyampaian sumbangan hamper kepada 70 penerima terpilih.

# Periksa kesihatan diri minimum sekali setahun - Exco



**SALAH seorang penduduk sedang menjalani pemeriksaan gigi oleh doktor perubatan bertugas pada penganjuran *Penang Medical Camp* peringkat kawasan DUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.**

**ZAINULFAQAR YAACOB**



**PARA penduduk mendapatkan perkhidmatan mengurut kaki.**

**DATUK KERAMAT** – Tiap-tiap orang dinasihatkan supaya membuat pemeriksaan kesihatan diri sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setahun, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo.

Justeru, katanya, penganjuran *Penang Medical Camp* peringkat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat diharap memberi peluang kepada mereka yang masih belum melakukan pemeriksaan kesihatan berwajib.

"Tahun lepas pun kita buat di sini. Kita harap komuniti yang mendiami flat-flat di sini boleh berkongsi kesedaran (iaitu) penting periksa kesihatan diri sekurang-kurangnya setahun sekali.

"Kita perlu tahu keadaan tekanan darah kita, kandungan gula dalam darah, jantung kita," ujarnya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan semasa ditemui di Flat Medan Ria di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, penganjuran program tahunan yang menelan belanja kira-kira RM3,000 itu mensasarkan 300 penyertaan komuniti setempat.

Tambah beliau, program seumpama itu sekaligus diharap dapat membantu mereka yang sukar untuk mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan berwajib di hospital, klinik atau pusat kesihatan komuniti.

# Kerajaan Negeri hari ini begitu jaga orang Islam - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SERI DELIMA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pembangkang di negeri ini sepatutnya melihat pemajuan Kompleks Mahkamah Syariah Pulau Pinang yang dijangka siap pada tahun depan sebagai 'tembok keadilan' sebagaimana yang pernah dibina di bawah pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz dahulu.

Justeru, Guan Eng menasihatkan pemimpin tertentu pembangkang supaya tidak menggambarkan pentadbirannya begitu melebih-lebihkan kepentingan umat Islam berbanding Kerajaan Negeri sebagai dikuasai Barisan Nasional (BN) dulu.

"Kerajaan Negeri menawarkan sebidang tanah (berkeluasan) kira-kira 3.49 ekar bernilai kira-kira RM80 juta dekat Jalan Scotland atas dasar keperluan umat Islam iaitu selepas Kerajaan Pusat sendiri (pada tahun 2012) mengeluarkan peruntukan (RM36.5 juta) untuk membina kompleks baru itu.

"Parti lawan tak perlu menyerang saya kononnya pemberian tanah ini menunjukkan Kerajaan Negeri hari ini begitu menjaga orang Islam sahaja, tidak seperti Pulau Pinang semasa di bawah Gerakan.



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Abdul Walid Abu Hassan pada program Ihya Ramadan & Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Kepemimpinan Kerajaan Negeri di perkarangan Masjid Jamek Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.**

"Saya harap kompleks yang sepatutnya siap dalam tempoh dua tahun (iaitu) sekarang ini, dapat disiapkan secepat mungkin," nasihatnya dalam ucapan perasmiannya baru-baru ini dengan tanpa menyebut nama pemimpin pembangkang yang dimaksudkan itu.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudyaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata demikian dalam program Ihya Ramadan & Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Kepemimpinan Kerajaan Negeri di perkarangan Masjid Jamek Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, inisiatif memartabatkan Islam di negeri ini dapat dilangsungkan antaranya disebabkan syor berwajib daripada Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia merangkap Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Mohamad Sabu (Timbalan Presiden PAS).

"Abang Mohamad Sabu selalu nasihat saya, Khalifah Umar Abdul Aziz pernah membina 'tembok keadilan' atas dasar ada keperluan rakyat, jangan (membina) tembok besar-besar," seloroh Guan Eng.



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan zakat kepada asnaf terpilih sambil disaksikan Ketua Menteri dan Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali).**

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon dan Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Jamek Sungai Gelugor, Prof. Madya Dr. Fadhullah Jamil turut berucap pada majlis tahunan Kerajaan Negeri peringkat pulau tersebut.

Turut hadir Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Maktar Shapee, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), R.S.N. Rayer (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Seri Delima), Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri) dan Ramkarpal Singh Deo (Ahli Parlimen Bukit Gelugor).

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Abu Jamal Nordin, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Pulau Pinang), Datuk Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Mahkamah Syarie Pulau Pinang) dan Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP).

Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dr. Danial Zainal Abidin turut menyampaikan tazkirah Ramadan mengenai manfaat puasa pada kesihatan tubuh badan di depan lebih 300 hadirin.

# Dua tokoh agama terima *'Insaniyyah Ramadan'* KM

**PENANTI –** Pengerusi Yayasan An-Nahdhoh, Ustaz Abdul Mutalib Maarof dan Mudir Maahad Ad-Dahwah Islamiah, Ustaz Sobri Arshad diberi sumbangan penghargaan daripada peruntukan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng atas ketokohan masing-masing dalam memartabatkan Islam di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon semasa berucap menyifatkan amalan kebaikan pemimpin bukan Islam melakukan kebaikan ke atas orang-orang Islam sebagai *Insaniyyah Ramadan*.

"Islam bukan sahaja tidak melarang orang bukan Islam melakukan kebaikan ke atas orang Islam sempena Ihya' Ramadan ini, bahkan, menggalakkan sesama insan saling berlumba-lumba melakukan kebaikan," katanya sambil membahaskan maksud ayat 8 Surah Al-Mumtahanah dan ayat 148 Surah Al-Baqarah.



**ANWAR Ibrahim (depan, tengah) ditemani Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) bersalaman dengan salah seorang pengunjung bazar Ramadan di Masjid Daerah SPT, Seberang Jaya.**

Mohd. Rashid berucap demikian semasa mewakili Guan Eng dalam program Ihya' Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Kepemimpinan Kerajaan Negeri Peringkat Seberang Perai di perkarangan Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Taman Guar Perahu di sini baru-baru ini.

Ustaz Sobri Arshad turut menyampaikan Tazkirah Ramadan pada majlis sama yang disertai lebih 300 hadirin.

Majlis penyampaian sumbangan zakat kepada 60 asnaf terpilih di sini disempurnakan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri), Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man dan Datuk Mansor Othman (Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang, YIPP yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal) turut hadir pada majlis tahunan tersebut.



**MOHD. Rashid Hasnon (empat dari kanan) beramah-mesra dengan Pegawai-pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri yang hadir program Ihya' Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Kepemimpinan Kerajaan Negeri Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (JHEIPP), Datuk Sazali Hussein, Ustaz Rosidi Hussain (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid & Hal Ehwal Kariah MAINPPP), Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Ustaz Bakar Bakilani (Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq).

Sebelum itu, semua pemimpin Kerajaan Negeri turut menyertai majlis mengedar bubur lambuk di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah dekat Bandar Perda, Bukit Mertajam.

# Nilai murni sahur Kerajaan Negeri dikongsi bersama

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KETUA Menteri beramah-mesra dengan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri, Maktar Shapee pada Majlis Bersahur dan Taklimat Anggota Perkhidmatan Awam di sini baru-baru ini.



YANG di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali) memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara sementara menunggu waktu untuk bersahur.

**BERKONGSI...** Buat julung kali, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil kesempatan pada bulan Ramadan yang mulia ini untuk menganjurkan Majlis Bersahur dan Taklimat Anggota Perkhidmatan Awam di sebuah hotel terkemuka di sini.

Walaupun berlainan bangsa dan kepercayaan, kesempatan untuk merasai suasana bersahur bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri khususnya dan rakan-rakan turut disertai para penjawat bukan beragama Islam.

Hadir sama meraikan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng.

Turut serta, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen (MP), Pengarah-pengarah jabatan, Pegawai-pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK), Pegawai-pegawai Seranta, Pegawai-pegawai Khas ADUN, Ahli-ahli majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Umat Islam kemudian menunaikan solat subuh sesudah bersahur pada hari berkenaan.

Bersempena itu, Guan Eng turut menyeru barisan kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk ketua-ketua jabatan supaya memantap dan memperbaiki prestasi kerja bagi mengekalkan prestasi serta kecemerlangan negeri Pulau Pinang.

## Pesakit hospital terima sumbangan kurma

**SUMBANG KURMA...** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini mengambil inisiatif khas menziarahi para pesakit di Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) dan Hospital Seberang Jaya sambil menyampaikan sumbangan kurma di sini.

Di HPP, beliau meluangkan masa menyantuni para pesakit di wad C7 dan C8, manakala di Hospital Seberang Jaya, wad 5 dan wad 6.

Sebanyak 100 kotak kurma masing-masing diedarkan di kedua-dua pusat perubatan berkenaan.

Pada kesempatan tersebut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut beramah-mesra dengan petugas-petugas di sini.



DR. Afif Bahardin beramah-mesra dengan salah seorang pesakit di Hospital Seberang Jaya.



**MENYAMPAIKAN** sekotak buah kurma kepada salah seorang warga emas yang mendapat rawatan di HPP di sini baru-baru ini.

## Guru SAR turut terima bonus raya




YANG di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail (empat dari kanan) menerima replika cek pembayaran bonus raya bagi pihak berkuasa tempatan terbabit daripada Ketua Menteri sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) setengah bulan gaji atau minimum RM600 kepada 10,945 penjawat awam negeri sempena Aidilfitri tahun ini.

Jumlah tersebut, jelas beliau, merangkumi semua penjawat awam di Jabatan-jabatan Negeri, pihak berkuasa tempatan (Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai) dan badan-badan berkanun negeri.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM11.8 juta bagi tujuan itu dan bonus mula dibayar pada 17 Julai lalu.

"Bantuan tersebut turut dinikmati 1,424 guru dan 14 penyelia KAFA, 343 guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan 398 guru dari Sekolah Persendirian Cina dengan jumlah sebanyak RM300 setiap seorang.

"Manakala bagi 141 guru tahfiz, tiga guru Sekolah Pondok dan 50 guru Tadika Islam (TADIS) juga bakal menerima RM200 setiap seorang," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

# KN perkenal misi galakan pemilikan rumah pertama



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan butiran misi galakan pemilikan rumah kepada pembeli kali pertama Pulau Pinang pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan memperkenalkan misi galakan pemilikan rumah kepada pembeli kali pertama di negeri ini.

Exconya, Jagdeep Singh Deo berkata, program dikenali Misi Pemilikan Rumah adalah sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan orang ramai membeli rumah khususnya kepada pembeli rumah kali pertama.

"Tujuan asal kita (Kerajaan Negeri) adalah untuk menggalakkan pembelian rumah terutamanya oleh golongan muda kerana kebanyakannya tak mampu membeli rumah lantaran harga rumah yang tinggi dan ketiadaan rumah mampu milik," katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, beliau mendapati bahawa ramai penduduk negeri ini tidak tahu dan tidak mempunyai maklumat yang jelas mengenai prosedur pembelian rumah mampu milik.

"Jadi, mulai 16 Ogos nanti, kita (Kerajaan Negeri) akan adakan pameran bergerak ke semua 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pulau Pinang untuk menjelaskan Misi Pemilikan Rumah ini," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, sebagai rekod, sejak Ogos tahun lalu sehingga ke hari ini (3 Julai 2014), Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) telah memproses 7,412 permohonan (melalui Bahagian Perumahan dan e-Rumah) bagi rumah kos rendah (RKR), kos sederhana rendah (RKSR) dan rumah mampu milik (RMM).

"Manakala sejak 2008 hingga bulan Mei 2014, sejumlah 64 projek di lima daerah dengan 12,471 unit rumah kos rendah telah dibina. Sejumlah 7,608 unit rumah kos sederhana rendah telah dibina melalui 28 projek di Pulau Pinang.

"Dalam tempoh sama, sejumlah 23 projek telah diluluskan di kelima-lima daerah dengan 3,796 unit rumah kos rendah dan 5,246 unit rumah kos sederhana rendah lagi (melalui 9 projek) akan dibina," jelas beliau.

Tambah Jagdeep, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan kategori perumahan baharu iaitu rumah mampu milik pada kadar bawah RM200,000, bawah RM300,000 dan bawah RM400,000.

"Dengan kerjasama PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang), Kerajaan Negeri kini telah mengenalpasti 10 lokasi sesuai untuk membangunkan kira-kira 20,000 unit rumah mampu milik lagi menjelang tahun 2018 di Pulau Pinang," katanya.

"Selain usahasama Kerajaan Negeri dan PDC, pemaju swasta juga dilihat berminat untuk membangunkan rumah mampu milik di Pulau Pinang.

"Sehingga ke hari ini, sekurang-kurangnya 10,000 unit rumah mampu milik telah dibina pemaju swasta di Pulau Pinang," ujar beliau.

## Exco ziarah pesakit HPP sempena Aidilfitri



ABDUL Malik Abul Kassim menyampaikan sumbangan kepada seorang kanak-kanak pada ziarah khas beliau ke Wad Onkologi/Nefrologi dan Wad Rawatan Jantung HPP sempena kehadiran Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, baru-baru ini meluangkan masa melawat dan menyampaikan sumbangan kurma, hamper dan duit raya kepada pesakit-pesakit di Hosiptal Pulau Pinang (HPP) sempena kehadiran Hari Raya Aidilfitri nanti.

Sumbangan tersebut disampaikan sendiri oleh beliau kepada 30 kanak-kanak di Wad Onkologi/Nefrologi dan 26 pesakit di Wad Rawatan Jantung .

Turut mengiringi beliau adalah beberapa Pegawai Perubatan HPP di sini.

Abdul Malik ketika ditemui memberitahu, ia merupakan tahun ke-enam beliau melaksanakan program tanggungjawab sosial bagi membantu golongan memerlukan.

Tambahnya, Islam juga mengajar umatnya supaya menziarahi pesakit bagi mengembalikan kegembiraan mereka.

"Apabila sakit, kita telah terputus hubungan dengan kesihatan, jadi untuk menimbal kelemahan jiwa, umat Islam dituntut melawat orang sakit sama ada mereka itu kanak-kanak, orang dewasa atau warga emas.

"Semoga dengan sumbangan kecil yang diberikan ini dapat memberi sinar kegembiraan kepada mereka terutamanya kanak-kanak di sini," katanya sejurus selepas menziarahi pesakit di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan rasa terima kasih kepada kakitangan HPP yang banyak membantu sepanjang lawatan tersebut.



ABDUL Malik Abul Kassim (berbaju putih, berkaca mata) merakam kenangan bersama-sama warga Rumah St. Nicholas pada majlis ringkas penyerahan duit raya olehnya di sini baru-baru ini.

## Exco rai penghuni Rumah St. Nicholas sempena raya

**REZEKI AIDILFITRI...** Seramai 66 penghuni cacat penglihatan dan 67 kakitangan Rumah St. Nicholas dekat Jalan Bagan Jermal di sini diraikan dalam satu majlis ringkas penyerahan duit raya oleh Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Abdul Malik yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata, ia merupakan tahun ke-enam beliau meraikan warga St. Nicholas acapkali tibanya Hari Raya Aidilfitri.

"Dalam kemeriahan kita membuat persediaan untuk beraya, golongan kurang bernasib baik juga tidak dilupakan dan diharap pemberian ini menceriakan sambutan Hari Raya nanti," katanya yang turut merakamkan penghargaan atas keterbukaan pihak pentadbiran St. Nicholas menerima kunjungan beliau tanpa jemu.

Selain pemberian duit raya, Abdul Malik turut menaja sahur bagi semua penghuni dan kakitangan yang beragama Islam selama sebulan sejak lima tahun lalu.

# Sambutan hari jadi TYT pada September 2014

**GEORGE TOWN** - Segala acara sambutan dan Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 akan dizahirkan pada September ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dalam kenyataannya memberitahu bahawa penangguhan tersebut adalah ekoran sambutan Hari Jadi Rasmi ke-76 Tuan Yang di-Pertua (TYT) Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 yang jatuh pada 12 Julai lalu adalah pada bulan Ramadan.

"Oleh kerana sambutan Hari Jadi TYT adalah pada bulan Ramadan, maka, sambutan Hari Jadi Ke-76 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua ditangguh ke bulan September 2014," katanya di sini baru-baru ini.

*(Dari muka surat 1)*

## Maklum balas pesakit :



**ISMAIL Ibrahim**, 68, yang telah 15 tahun mengidap penyakit buah pinggang.

BAGI Ismail yang merupakan pesara guru, beliau menyatakan bahawa dirinya panjang umur kerana kebiasaan, selorohnya kepada Buletin Mutiara, pesakit buah pinggang hanya mampu 'bertahan' dalam tempoh lapan tahun sahaja.

"Sudah 15 tahun saya buat dialisis. Bermula di hospital swasta, pusat dialisis swasta dan kini di sini (Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang, Daerah Barat Daya).

"Selain dekat dengan rumah di Sungai Rusa (Balik Pulau), layanan jururawat di sini (Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang, Daerah Barat Daya) adalah baik dan mesra.

"Cuma satu sahaja saya tidak puas hati iaitu keadaan tandas yang tak elok (kotor) sebab kena berkongsi dengan yang lain," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang (Daerah Barat Daya) di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ismail yang kini lumpuh separuh badan akibat strok menyatakan bahawa, ketika mula dimaklumkan mengidap penyakit buah pinggang, beliau putus harapan dan merasakan sudah tiada kehidupan.

"Sebelum boleh buat dialisis, doktor akan menjalankan pembedahan fistula (di bahagian tangan) terlebih dahulu bagi membolehkan 'tiub-tiub' dialisis dimasukkan.

"Memang takut nak buat, tapi kena buat juga," ujarnya yang mana beliau dimaklumkan bahawa dua buah pinggangnya telah rosak dan kecut kini.

Berhubung inisiatif Kerajaan Negeri mewujudkan Pusat Dialisis CAT, Ismail yang merupakan bekas guru Matematik dan Bahasa Inggeris menyatakan bahawa ia merupakan sesuatu yang bagus.

"Tidak semua pesakit ada duit. Ramai pesakit yang tidak datang buat dialisis sebab tiada duit walaupun tahu bahawa tanpa dialisis, lama-kelamaan, darah akan jadi racun," nyata beliau.



**HASSAN Ahmad, 71**, bekas nelayan.

"Setiap minggu, kena 'cuci' (buat dialisis) tiga kali. Setiap sesi selama empat jam," luah Hassan yang telah setahun menjalani rawatan dialisis.

Nyata beliau yang berasal dari Sungai Pinang di sini, sebelum ini, beliau yang menjalani rawatan dialisis di sebuah hospital swasta terpaksa membayar antara RM100 hingga RM200 untuk setiap rawatan (termasuk suntikan).

"Kini, di sini, saya hanya perlu bayar RM30 untuk dialisis dan RM60 seminggu sekali untuk suntikan ubat khas," jelasnya yang berharap agar Kerajaan Negeri mewujudkan lebih banyak Pusat Dialisis CAT dan pada masa sama menambah jumlah mesin sedia ada di sini.

"Terima kasih sebab membantu," tambah Hassan sebelum mengakhiri perbualan baru-baru ini.




**LIM Chun Ing, 29** (Pesakit termuda di Pusat Dialisis CAT, Daerah Barat Daya).

"Tidak sampai setahun saya dimaklum dan terpaksa menjalani rawatan dialisis.

"Sedih, tetapi dah jadi, kena teruskan hidup," jawabnya ringkas.



**LIM Chyun Huey,** Ketua Jururawat Pusat Dialisis CAT (Daerah Barat Daya).

"Keseluruhan, terdapat 24 pesakit di sini.

"Bagi rawatan dialisis biasa di luar, kos yang dikenakan adalah antara RM150 hingga RM280 (bagi setiap rawatan) dan setiap seorang pesakit perlu menjalani tiga kali rawatan pada setiap satu minggu," jelas Chyun Huey.

Selain rawatan dialisis yang dijalankan jururawat terlatih, beliau memberitahu bahawa para pesakit juga dirujuk kepada doktor bertugas dari semasa ke semasa.

# Sebuah puisi yang dinukil buat anggota-anggota keselamatan yang terkorban di Sabah, termasuk di Pulau Mabul dan Lahad Datu.

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Pengarah Eksekutif Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

Serambi PENANG INSTITUTE
making ideas work

**MAAFKAN KAMI**

Pagi lebaran ini,
Ada anak tidak lagi bersalam dengan bapanya,
Ada isteri tidak dapat bermaafan dengan suaminya,
Ada ibu yang menangisi kehilangan,
Ada kekasih meratapi pemergian.

Pada anak yang menjadi yatim,
Isteri yang kini balu, Ibu yang walang,
Kekasih luluh jiwa, Sesungguhnya ayah, suami, anak dan cintamu
gugur sebagai bunga bangsa,
Demi pertahan tanah air dari dinoda.

Pada anak, isteri, ibu dan kekasih yang derita,

Kami pohon maaf, Kerana ada antara kami,
Yang mengaku kononnya pejuang bangsa,
Tetapi mengkhianati pejuang negara.

Kami pohon maaf,
Kerana ada antara kami,
Atas nama rahsia negara,
Menggadai senjata semata demi harta.

Kami pohon maaf,Kerana ada antara kami,
Menjadikan musuh sebagai sekutu,
Hingga derita anak semua bangsa.

Sesungguhnya,
Ada anak tidak kehilangan ayah,
Ada isteri tiada kematian suami,
Ada ibu tetap bersenang hati,
Ada kekasih yang sentiasa bahagia,
Andainya antara kami tiada mengkhianati amanah,
Andainya antara kami tiada rakus haloba,
Andainya antara kami tiada menjual pertiwi demi kerusi.

Maafkan kami.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) bersalaman dengan Tuan Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada Majlis Berbuka Puasa di Wisma Yatim baru-baru ini.




BERBUKA puas bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri di Bertam, Seberang Perai Utara (SPU).



ZAIRIL Khir Johari (berdiri) menyantuni jemaah masjid yang hadir pada majlis berbuka puasa di Bertam, SPU baru-baru ini.


## BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
## SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PLB Land Sdn. Bhd.**<br>1320 Jalan Baru<br>Taman Chai Leng<br>13700 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-3900799<br>No. Fax : 04-3900599 | Di Atas Lot PT 181 (Lot 4891) & PN 3202 (Lot 4929), Seksyen 3<br>Jalan Mak Mandin<br>Seberang Perai Utara<br>Pulau Pinang. | PLB Mak Mandin Light Industrial Park | Kilang Berkembar 1.5 Tingkat | RM1,402,966.00 | RM1,332,817.70 | 1 | Azizah Binti Abdul Aziz |
| 2. | **Starseries Development Sdn. Bhd.**<br>No. 20 & 20A, Green Hall<br>10200 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04-2639911<br>No. Fax : 04-2639888 | Di Atas Lot 685 & 687, Mukim 11<br>Jalan Nangka<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Villa Lagenda | Rumah Sesebuah<br><br>Rumah Berkembar | RM1,474,000.00 - RM2,553,000.00<br><br>RM1,152,000.00 - RM1,365,000.00 | RM1,400,300.00 - RM2,425,350.00<br><br>RM1,094,400.00 - RM1,296,750.00 | 8<br><br>8 | Lim Teong Soon |

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 521 2441 | - Jaafar Mahshar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO) | 012 - 464 3004 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Ogos 2014




31hb Ogos
***Kuda Kepang***
*Lebuh Acheh,*
*George Town*
*9:00mlm - 10:00mlm*
**Kemasukan Percuma**

31hb Ogos
***MAK YONG***
*Lebuh Armenian*
*George Town*
*5:00ptg - 5:30ptg*
**Kemasukan Percuma**



**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256





TIMBALAN Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir (depan, kanan sekali) bersalaman dengan Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor pada Majlis Berbuka Puasa Bersama TYT di Masjid Bukit Bendera.



PARA penyokong pasukan Jerman begitu asyik menonton perlawanan akhir perlawanan Piala Dunia Brazil 2014 yang disiarkan secara langsung pada skrin besar di Auto Mall, Persiaran Karpal Singh baru-baru ini.



AKSI salah seorang peniaga di Bazar Ramadan Kampung Melayu.







KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan di dalam Masjid Kapitan Keling sempena Sambutan Hari Warisan Dunia George Town.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (kanan sekali) bersalaman dengan salah seorang pengunjung Bazar Ramadan Bandar Perda sebelum menyampaikan bungkusan kurma kepadanya.




EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (kiri sekali) beramah-mesra dengan jururawat bertugas di Hospital Pulau Pinang pada sesi lawatan dan penyampaian sumbangan kurma kepada pesakit.




EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada kumpulan jururawat bertugas pada lawatannya ke Hospital Pulau Pinang.



LENSA Buletin Mutiara sempat merakam aksi dua kanak-kanak yang hadir pada Majlis Iftar Bersama TYT di Masjid Melayu Lebuh Acheh.

# Mencipta sejarah di Kampung Sungai Chenaam

Oleh: **MOHD YUSRI YAACOB, PEGAWAI PROJEK – BAJET RESPONSIF & PARTISAPATORI GENDER, PWDC**

**PERBADANAN** Pembangunan Wanita Pulau Pinang sedang mencipta sejarah dengan memperluaskan projek induk Bajet Responsif & Partisapatori Gender (GRPB) ke Kampung Sungai Chenaam di Seberang Perai Selatan (SPS).

Dengan projek GRPB, PWDC berhasrat menghubungkan rakyat biasa dengan wakil-wakil kerajaan untuk mencapai hasil positif dan transformatif bersama-sama.

Metodologi GRPB yang inovatif termasuk usaha mendekati masyarakat terpilih di Pulau Pinang, mengadakan dialog dan kajian untuk memahami keperluan tempatan, dan akhirnya menghubungkan penduduk dengan pihak berkuasa berkenaan untuk menyelesaikan isu-isu tersebut.

Melalui projek GRPB, tumpuan khas PWDC pada isu jantina dan demokrasi penyertaan juga membolehkan suara dan pendapat wanita dan kanak-kanak perempuan didengar.

Di Kampung Sungai Chenaam khususnya, PWDC juga bertujuan memajukan misi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengurangkan jumlah sisa isi rumah, menggalakkan aktiviti kitar semula, dan mempromosikan amalan alam sekitar yang mampan.

Pada 12 Januari, PWDC mencapai satu kejayaan dengan penganjuran Karnival Kampung Sungai Chenaam akibat kerjasama erat dengan pemimpin masyarakat, tokoh-tokoh politik dan penduduk tempatan.

Acara itu menyaksikan kehadiran lebih 500 orang dan merupakan satu peristiwa yang membanggakan.

Pada 10 Februari, dengan kerjasama PWDC, Encik Chew Eng Seng dari pasukan MPSP LA21 mengetuai sesi taklimat mengenai amalan kitar semula yang termasuk demonstrasi praktikal tentang cara membuat sabun daripada minyak masak terpakai.

Program ini ditujukan khas kepada kaum wanita dan belia sebagai platform untuk menggalakkan projek-projek yang berpotensi menjana pendapatan.

Pada 2 April, PWDC dan Zakat Pulau Pinang telah menandatangani Kontrak Perkhidmatan Bersama untuk menjalankan tinjauan asas dari 3 April hingga 4 Mei 2014 di Kampung Sungai Chenaam.

Setakat ini, pasukan penyelidikan PWDC telah berjaya meninjau sejumlah 221 daripada 310 buah rumah yang meliputi 71% daripada kawasan tersebut. PWDC sedang menganalisis hasil kajian dan tidak lama lagi akan memulakan Fasa 2.



MOHD. Rashid Hasnon (kiri) menjadi pengadil untuk pertandingan tarik-tali

Fasa 2 GRPB akan melibatkan beberapa siri Kumpulan Tumpu Bincang (KTB) dengan kumpulan-kumpulan penduduk yang berbeza dari Kampung Sungai Cheenam demi mendengar pandangan, pendapat, cadangan dan maklum balas mereka.

Fasa 3, yang dijangka bermula pada bulan Ogos 2014, akan memberi peluang kepada penduduk Kampung Sungai Chenaam untuk menyuarakan dan menentukan keperluan serta keutamaan dalam komuniti mereka sendiri dengan cara yang demokratik dan inklusif.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita dan Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, forum anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama *investPenang* (iP) itu adalah untuk berbincang dan menggunapakai idea-idea utama dalam buku berkenaan khas kepada golongan wanita yang bekerja.

"Ramai wanita memilih berhenti daripada kerjaya masing-masing setelah berumah tangga dengan tujuan untuk menjaga keluarga sepenuh masa.

"Pemikiran seperti ini adalah tidak benar dan sekaligus memberi kesan kepada ekonomi dan masyarakat kita pada hari ini kerana ia secara tidak langsung menghalang wanita daripada terus mengembangkan kerjaya masing-masing," ucapnya pada Majlis Perasmian Forum Lean In @ Penang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Aloyah Abu Bakar (Pengarah Projek GRB PWDC).

Turut diketengahkan sebagai penceramah pada majlis itu adalah Penerbit Eksekutif dan pengasas bersama *The Actors Studio, The Kuala Lumpur Performing Arts Centre and Performing Arts Centre of Penang*, Datuk Faridah Merican atau lebih dikenali sebagai *'First Lady of Malaysian Theatre'*.



(Dari kanan), CHONG Eng bersama-sama Steven Sim Chee Keong dan Aloyah Abu Bakar turut serta dalam perbincangan kumpulan bersempena penganjuran *Forum Lean In @ Penang* di sini baru-baru ini.

Menurut Chong Eng, kebanyakan wanita khususnya di negeri ini tidak mempunyai keyakinan pada aspek kepimpinan.

"Perkara seperti ini kerap berlaku terutamanya di syarikat-syarikat korporat yang besar. Situasi ini bukan disebabkan golongan wanita tidak mempunyai kemahiran serta kualiti, sebaliknya, tiadanya keyakinan.

"Justeru, melalui forum ini, saya berharap kita (Kerajaan Negeri) dapat mendorong lebih ramai wanita untuk lebih berdaya saing di tempat kerja sekaligus melahirkan pemimpin berkualiti," ujar beliau.

# *Penang Bike Week 2014* bantu rumah kebajikan beli van



ANTARA demonstrasi yang diadakan pada penganjuran *Penang Bike Week 2014.*

**GEORGE TOWN –** Seramai 2,000 penunggang motosikal berkuasa tinggi seluruh negara termasuk dari Thailand dan Singapura berkampung di sini baru-baru ini bagi menjayakan penganjuran program amal, *Penang Bike Week 2014* dan sekaligus membuktikan Pulau Pinang juga merupakan destinasi sukan permotoran.

Bertemakan *Charity for Ride*, penganjuran pada tahun ini mensasarkan pungutan sumbangan bagi membantu rumah kebajikan, *Eden Handicap* memperoleh dana bagi membeli sebuah van untuk kegunaan pertubuhan berkenaan.

Menurut Presiden *Mega Fortune Bikers Club* yang merupakan penganjur bersama *One Nation Motorsport,* Abdul Rahim Ahmad, sasaran 2,000 peserta dilihat realistik memandangkan pada minggu tersebut berlaku beberapa pertembungan acara besar.

"Contohnya, perlawanan akhir bola sepak peringkat tempatan, ditambah pula di Sadao, Selatan Thailand turut dianjurkan acara sama sebagaimana di Pulau Pinang.

"Justeru, ia sedikit sebanyak mengehadkan kehadiran seramai 2,000 peserta sahaja," ujarnya pada Majlis Perasmian *Penang Bike Week 2014* di Padang Kota di sini baru-baru ini.

Antara aktiviti-aktiviti yang diselitkan dalam penganjuran selama tiga hari tersebut adalah pameran sukan bermotor, permainan dan pertandingan, hiburan dan lain-lain.

Hadir sama, Exco Pertanian & Perindustrian Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan yang merupakan salah seorang ahli jawatankuasa program.

*Penang Bike Week 2014* diakhiri dengan majlis makan malam yang dirasmikan Yang di-Pertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Pada majlis tersebut, Abdul Rahman menyampaikan hasil kutipan program kepada *Eden Handicap*.

Turut diadakan adalah acara cabutan bertuah yang menawarkan hadiah motosikal berkuasa tinggi.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

# Komitmen Ziana jamin kualiti kopi *D' Heritage*


CORETAN-coretan pelancong yang ditampal di dinding premis.


PRODUK madu yang dijual.



ABDUL Gaffor Sahul Hamid dan Rabiah Abu Bakar.

**PREMIS** *D' Heritage* merupakan bangunan yang tersergam paling indah di Teluk Bahang.

Kelainan ditampilkan mampu memikat setiap mata yang melalui kawasan tersebut selepas laluan berliku dari Balik Pulau ataupun Batu Feringghi.

Malah, apabila memasuki premis berkenaan, tidak dapat dinafikan bahawa setiap mata akan terpegun dengan reka bentuk dan bau kopi serta coklat yang diatur rapi di premis berkenaan.

Tidak kurang juga layanan diberikan, mewujudkan suatu perasaan selesa yang mendorong setiap pengunjung membawa pulang buah tangan daripadanya.

Berlandaskan pengalaman selama enam tahun sebagai pemandu pelancong, Abdul Gaffor Sahul Hamid bersama-sama isterinya, Rabiah Abu Bakar yang masing-masing berusia 43 tahun mengambil keputusan untuk bergiat dalam bidang perniagaan kopi dan coklat.

Bermatlamat untuk menjadikan premisnya sebagai *one stop centre* kepada pelancong-pelancong khususnya dari Timur Tengah, Rabiah atau lebih mesra dengan panggilan Ziana menyatakan bahawa idea tersebut adalah daripada suaminya yang berasal dari Perak.

Istimewanya, kopi dan coklat dijual di premisnya adalah yang terbaik daripada yang terbaik. Selain itu, madu dan teh juga merupakan sebahagian produk yang kian memperoleh permintaan kini.

"Terdapat 16 jenis kopi dijual di premis kami dan semuanya adalah special sebab ia merupakan *home made* dan *made in D' Heritage*.

"Bagi setiap produk, saya akan rasa dan bau dulu adunan-adunannya sebelum dipasarkan.

"Uniknya, kopi di sini (*D' Heritage*) adalah lebih lemak *(creamer)*, kurang manis dan terdapat juga produk khas iaitu *slimming coffee* khas untuk mereka yang ingin menurunkan berat badan" jelas Ziana kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, walaupun bukan peminat kopi, Ziana menyatakan bahawa beliau dikurniakan dengan deria rasa sempurna bagi membantu dalam penghasilan produk-produk syarikatnya.

Malah, bagi menjamin kualiti dikeluarkan, Ziana serta Abdul Gaffor meneroka ke merata tempat bagi mengenalpasti pembekal-pembekal bahan mentah terbaik di Kuala Lumpur selain Pulau Pinang.


PRODUK kopi dibungkus menarik setaraf dengan kualiti ditawarkan.

Pada usia setahun jagung, pasangan tersebut mengakui bahawa mereka tidak begitu arif dengan cabaran serta liuk piuk sektor pelancongan yang mempunyai musim naik turun.

"Baru-baru ini, masa *low season* (kurang pelancong), perniagaan kami memang hadapi masalah pusingan modal.

"Memang susah! Sampai nak bayar gaji pun….

"Banyak modal yang kami labur dalam perniagaan ni terutamanya pada perniagaan *cafe* (yang terletak bersebelahan dengan premis coklat). Masa tempoh 'susah' tuh, kami sampai nak kena buat pinjaman, namun, tak dapat.

"Walaupun permohonan pinjaman ditolak, kami tetap nekad nak teruskan perniagaan. Kami cari ikhtiar sendiri dan Alhamdulillah, atas kuasa Allah, kami berjaya tempuhi dugaan tersebut,'' katanya sambil melahirkan rasa syukur.

Mengulas lanjut mengenai kunci perniagaannya yang kian dikenali ramai kini, Ziana menyatakan bahawa layanan yang diberikan terhadap seseorang pelanggan adalah amat penting.

"Bagi setiap pelanggan yang memasuki premis, layanan secara peribadi akan diberikan iaitu seorang kakitangan akan dipertanggungjawabkan untuk memberi penjelasan mengenai produk-produk jualan. Pada masa sama, mereka (pelanggan) juga diberikan peluang mencuba semua produk yang dijual di sini," jelasnya.

Berbicara mengenai perancangan masa depan, Ziana menyatakan bahawa selain memperbesarkan lot premis sedia ada, adalah menjadi harapan beliau dan suami untuk membuka cawangan di Melaka, Johor Bahru, Langkawi dan Kuala Lumpur.

"Kami nak bawa warisan Pulau Pinang ke seluruh negara dan dunia. Contohnya, kini, ramai pelancong Timur Tengah yang pernah membeli produk kami membuat tempahan dan kami menghantar barangan tersebut menerusi pos.

"Melihat kepada kejayaan kecil ini, saya akan terus mempelbagaikan lagi produk berkualiti *D' Heritage* bagi mencapai impian kami suami isteri," ujarnya yang dikurniakan tiga cahaya mata.


KAKITANGAN yang membantu di premis *D' Heritage.*

**INFO :**
***D' Heritage Coffee & Chocolate House***
**2F Tingkat Bawah,**
**Jalan Teluk Bahang,**
**11050 Teluk Bahang,**
**Pulau Pinang.**
**Telefon & Faks :**
**04- 881 1767**
**Laman web :**
***www.dheritage2u.com***
**Emel :**
***dheritage2u@gmail.com***

# Kasthuriraani bawa isu gender ke antarabangsa

**KE** mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Itu, cakap-cakap khalayak apabila P. Kasthuriraani, 35, dipilih mewakili Parlimen Batu Kawan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

Fasih Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil. Pidatonya, saling tak tumpah seperti ayahnya, P. Patto, yang merupakan bekas Ahli Parlimen Ipoh.

P. Patto dua kali diheret di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), iaitu selepas mendedahkan skandal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) membeli tornado SPICA-M dari Sweden berharga RM9 bilion pada tahun 1978 dan Operasi Lalang 1987.

Dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini, Kasthuriraani mengakui bahawa semangat ayah serta rakan seperjuangan bersama-sama kaum pekerja terdahulu adalah sumbu inspirasi dalam menunaikan tanggungjawab kepada komuniti Batu Kawan.

"Pengalaman manis di Batu Kawan banyak. Saya diberi peluang untuk merasai semangat persahabatan dan kekeluargaan di antara semua etniksiti di sini semasa kempen (PRU13) dan sekarang.

"Tugas kami, pasukan Batu Kawan di sini adalah berkhidmat untuk masyarakat, jadi tiada yang lebih menggembirakan lagi selain daripada membantu mereka dengan masalah masing-masing.

"Mendiang ayah (P. Patto), Lim Kit Siang (Ahli Parlimen Gelang Patah) dan kawan-kawan ayah adalah inspirasi saya apabila saya pilih jalan ini (sebagai wakil rakyat)," jelas Kasthuriraani semasa ditemui di pejabatnya di Taman Kasawari di sini baru-baru ini.

### Hobi

Gadis itu memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Mikrobiologi) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau hanya mempunyai seorang adik perempuan dan tinggal bersama ibu.

Kehidupannya yang dikejar pelbagai tanggungjawab khususnya di Dewan Rakyat serta di kawasan Parlimen Batu Kawan membuatkan Kasthuriraani tersenyum apabila ditanya mengenai hobi pada masa lapang.

"Setakat ini, hobi saya telah mendapat tempat kedua dalam kehidupan saya kerana tugas Ahli Parlimen mengambil sepenuh masa saya.

"Sebelum ini, hobi saya membaca dan melukis, dan sekiranya ada sedikit masa, saya minat dengan kraftangan menjahit dan macam-macam lagi," jelas beliau, tersenyum.

### Berjuang isu Gender

Tahu tidak tahu, di Parlimen, Kasthuriraani dikenali sebagai seorang yang konsisten membangkitkan isu-isu berkaitan kepentingan gender, khususnya wanita dan kanak-kanak.

Maka, tak hairanlah beliau merupakan salah seorang individu penting yang turut diruangkan berperanan dalam Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Briged Wanita Pulau Pinang.

"Di Pulau Pinang, perjuangan kesaksamaan gender dapat dilihat melalui inisiatif PWDC. Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan konsep *Gender Responsive Budgeting* yang kini dalam '*pipeline*' untuk diadaptasikan oleh Kementerian Kewangan.

"Akan tetapi, ada banyak juga yang perlu dilakukan, dari peringkat akar umbi dan dari golongan sosioekonomi yang rendah, di mana konsep melihat wanita dianggap dan diberi peluang yang sama seperti lelaki perlu sedikit asahan.

"Untuk kanak-kanak pula, banyak juga yang perlu dilakukan sekiranya (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang mahu dilihat sebagai negeri yang memberi keutamaan bukan sahaja dari aspek kebajikan kanak-kanak, malah, hak-hak mereka sekali.

"Pulau Pinang mempunyai dua Yang di-Pertua (bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai) wanita serta DO (Pegawai Daerah) wanita, dan satu-satunya negeri yang mempunyai PWDC untuk menyelaras dan membantu dengan isu-isu wanita," ujarnya.

Beliau memuji komitmen pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana giat mengutamakan agenda gender di negeri ini.

### Ke Antarabangsa

Tahu tidak tahu, isu-isu gender berbangkit ini turut diketengah ke peringkat antarabangsa apabila Kasthuriraani mempunyai peluang menyertai forum-forum global.



KASTHURIRAANI (berbaju merah) bergambar kenang-kenangan bersama bekas Presiden Iceland, Mary Robinson (depan, berbaju kot hitam) serta Ahli-Ahli Parlimen Wanita Sedunia di negara berkenaan baru-baru ini. Robinson merupakan pemimpin wanita pertama dipilih menjadi presiden negara dan pernah diiktiraf antara pemimpin yang berintegriti selama tempoh lebih enam tahun memerintah Iceland.

"Saya ada berkongsi mengenai gerakan BERSIH (Pilihan Raya Adil & Bersih) semasa mewakili Malaysia dalam persidangan anjuran Kedutaan Amerika Syarikat ke Hawaii, Korea Selatan dan China pada September hingga Oktober tahun lepas. Di sana, saya turut berkongsi idea mengenai TPPA (Perjanjian Persefahaman Trans-Pasifik).

"Dalam persidangan di Bali (Indonesia) pada Fabruari lepas, mengenai pemimpin wanita di rantau Asia Tenggara terutama negara demokrasi Timor Leste, di mana wanita mewakili 38.5 peratus dari jumlah Ahli Parlimen mereka, (ertinya) wanita kini diberi lebih banyak ruang untuk menjadi sebahagian daripada tonggak pemimpin negara mereka.

"Di Bangkok (Thailand) pada Mac lepas, saya bersama-sama Hanipa Maidin (Ahli Parlimen Sepang) dan V. Sivakumar (Ahli Parlimen Batu Gajah) sertai satu persidangan berhubung *genosid, ethnic cleansing* (pembersihan etnik) dan *'crimes against humanity'*... perhatian kami pada isu-isu hak asasi manusia di Cambodia di bawah Khmer Rouge, penindasan di Myanmar dan terhadap masyarakat Rohingya serta isu-isu di Filipina, Indonesia dan Sri Lanka," jelas beliau.

Terbaru, menurut Kasthuriraani, adalah kunjungan ke Iceland, sebuah negara yang dikatakan mempunyai latar belakang sejarah perjuangan yang begitu memartabatkan gender wanita hingga kini.

Semua Ahli Parlimen Wanita Malaysia dijemput ke satu forum antarabangsa di sana dan Kasthuriraani pergi mewakili Parlimen Malaysia.

"Iceland, sebuah negara modal berhubung hak asasi wanita dan negara terawal dan pertama untuk melantik presiden wanita pertama di dunia.

"Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat telah meluluskan peruntukan untuk saya mengambil bahagian dalam forum tersebut dan saya mewakili Malaysia dalam forum tersebut.

"Saya telah banyak belajar mengenai '*good governance*' di Iceland dan usaha mereka untuk tetap menyerap lebih ramai wanita dalam pentadbiran dan pimpinan mereka," katanya sambil memuji kesederhanaan pemimpin negara di sana dalam menggunakan wang rakyat untuk keperluan rasmi peribadi.



P. KASTHURIRAANI menunjukkan salah satu cenderamata diterima pada sesi wawancara bersama BM di sini baru-baru ini.

### Ihya Ramadan

Kasthuriraani turut merebut masa mengadakan program amal untuk menghargai umat Islam terpilih, sempena bulan Ramadan dan hari lebaran.

"Ramadan kali ini, kita mewujudkan Program Amal Syawal bertemakan 'Beraya Bergaya Bersama', di mana kita mengumpulkan pakai raya terpakai bermutu untuk diagihkan kepada umat Islam terpilih sebelum 1 Syawal nanti.

"Ini kan Malaysia. Ini kan kesederhanaan sebenar rakyat Pulau Pinang tanpa sentimen perkauman. Melayu, Cina, India dan semua kaum boleh saling menghargai dan saling kasih sayang," nyata beliau.

### Cabaran

"Di Batu Kawan sendiri, sebenarnya masih banyak perkara perlu dibuat. Setakat ini, isu-isu setempat yang berat dan perlu ditangani antaranya masalah perpindahan pekerja estet, masalah gembala lembu, isu banjir, isu trafik dan isu tanah.

"Semua ini ada cabaran dan rintangan tersendiri bagi saya sebagai wanita muda India. Bukan senang untuk menghadiri mesyuarat bagi mengetengahkan pandangan berbeza dalam dunia yang didominasi oleh kaum lelaki, umpamanya.

"Bagaimanapun, sebenarnya, saya lebih suka membincangkan apa yang boleh kita buat," ujar beliau sambil berharap Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat, komuniti Batu Kawan terus menggalakkan inisiatif menghagai gender khususnya wanita dan kanak-kanak.

# Sasar 1,500 Larian Menara MPSP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Larian Menara MPSP 2014 sejauh 7 kilometer serta memanjat 412 anak tangga yang bakal dilangsungkan pada 24 Ogos depan seawal 5.30 pagi mensasarkan 1,500 penyertaan termasuk pelari antarabangsa.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, sebanyak RM5,400 wang tunai ditawarkan untuk kesemua enam kategori yang dipertandingkan iaitu Kanak-kanak Lelaki, Kanak-kanak Perempuan, Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Veteran Lelaki dan Veteran Wanita.

"Kita berjaya (menerima penyertaan) 738 pelari pada tahun lepas. Kejohanan pada tahun ini akan dibuka kepada pelari antarabangsa juga supaya penganjuran acara tahunan kita (MPSP) ini pada suatu hari nanti akan menjadi program peringkat antarabangsa," ujarnya di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Cheong Eng, Rezal Huzairi Md. Zaki dan Ahmad Kaswan Kassim turut menyertai sidang media itu.

Yuran penyertaan untuk semua kategori adalah antara RM15 hingga RM25 dan kadar percuma khusus untuk wartawan.

Menurut Maimunah, La Vintage Event Sdn. Bhd. selaku wakil penganjur akan membuat jelajah pendaftaran khas dekat sebelah pulau, iaitu di Lebuh Arminean dan Lebuh Pantai sebagaimana jadual yang dipaparkan dalam laman *facebook, Penang MPSP Tower Run*.

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 3 Ogos iaitu sebelum jam 12 tengah hari.

Semua peserta boleh mengambil baju larian pada 16 dan 17 Ogos di lobi Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini mulai jam 9 pagi hingga 5 petang.

Info lanjut, hubungi penganjur di talian 011 – 1070 8938 atau 012 – 440 1398.




**(Dari kiri) Ketua Jabatan Lanskap MPSP, Shaqhrony Md. Yusoff @ Jamaluddin, Rezal Huzairi Md. Zaki, Sr. Rozali Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif, Tan Cheong Eng dan wakil penganjur La Vintage Event Sdn. Bhd. pada sidang media mempromosi acara Larian Menara MPSP 2014 di sini baru-baru ini.**

## MPSP 100% ambil alih pengurusan sisa pepejal - Maimunah




**CONTOH lori-lori baru kompaktor yang baru diterima MPSP di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengumumkan pengambilalihan 100 peratus perkhidmatan pelupusan sampah serta pembersihan am di seluruh Seberang Perai mulai 1 Julai lepas.

Yang di-Pertuanya, Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, sebanyak 21 lori kompaktor telahpun dibeli untuk memenuhi keperluan tersebut.

"Majlis dijadualkan menerima 21 lori kompaktor yang baru dibeli ini mengikut jadual secara berperingkat iaitu mulai Julai hingga Disember tahun ini," ujarnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Ke-480 Bil.6/2014 MPSP.

Tiga Ahli Majlis bagi MPSP, Tan Cheong Eng, Rezal Huzairi Md. Zaki, Ahmad Kaswan Kassim serta Sr. Rozali Mohamud (setiausaha MPSP) turut hadir pada sidang media itu.

Maimunah menjelaskan, seramai 1,743 orang telahpun diambil sebagai pekerja am kontrak, manakala, 467 lain sedang dalam proses lantikan.

Menurut beliau, projek kutipan sampah dilakukan secara dua syif iaitu dari jam 6 pagi hingga 3 petang dan 5 petang hingga 2 pagi.

"Ini pelan kontigensi kita untuk melicinkan pengambilan semula pengurusan sisa pepejal kini," jelasnya.

Layari laman web rasmi MPSP, *www.mpsp.gov.my* untuk mendapatkan info mengenai kawasan-kawasan yang disenaraikan dalam syif pertama dan kedua tersebut.

## IFPRA kongsi & cari idea urus kawasan hijau bandar

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Persidangan Urban Green Space and International Federation of Parks and Recreation Administration 2014 (IFPRA) yang julung kali diadakan dalam negara membuka peluang kepada 100 peserta dari seluruh dunia untuk berkongsi pengalaman serta mencari kaedah terbaik dalam mewujudkan keseimbangan pembangunan dan pemuliharaan sumber asli di kawasan bandar.



**PARA peserta dibawa melawat beberapa lokasi 'hijau' dalam negeri bersempena penganjuran IFPRA di sini baru-baru ini.**

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, penduduk bandar tidak mempunyai peluang yang banyak untuk meneroka hutan semulajadi, justeru, kawasan bandar hijau seharusnya digunakan untuk menyemai rasa cintakan alam semulajadi dalam kalangan golongan berkenaan.

Beliau yang hadir menyempurnakan majlis perasmian persidangan tersebut turut mengakui cabaran yang begitu besar dalam menguruskan kawasan hijau bandar memandangkan keperluan berbeza-beza daripada pelbagai lapisan penduduk.

"Justeru, pelbagai program dan kemudahan menarik perlu disedia serta diselenggara bagi menggalakkan penduduk mengamalkan cara hidup sihat.

"Ini termasuk program-program berkaitan alam sekitar yang sesuai untuk generasi muda serta penduduk membabitkan semua peringkat umur.

"Ianya penting bukan sahaja bagi memastikan status taman tersebut terus dikekalkan, malah juga, menimbulkan semangat kekitaan dalam kalangan pengguna untuk memulihara sumber-sumber alam semulajadi," katanya pada persidangan berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah FRIM, Dr. Ismail Harun, Presiden IFPRA, Emanuel Trueb dan wakil-wakil Ahli Asia Pasifik IFPRA.

Seramai 100 peserta dari Switzerland, Afrika Selatan, United Kingdom, Jepun, New Zealand, Australia, Denmark dan wakil-wakil negeri hadir.

Persidangan tiga hari yang merupakan anjuran bersama MPPP, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan IFPRA dengan sokongan Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan (IUFRO) turut memperlihatkan 38 pembentangan pelbagai topik oleh penceramah-penceramah tempatan dan asing termasuk pakar-pakar antarabangsa.

Ini adalah merangkumi pelbagai aspek perhutanan bandar seperti penjagaan pokok, fungsi ekologi dan sosiologi, keperluan manusia, pendidikan dan cara-cara menangani kumpulan-kumpulan pengguna berbeza.

Dalam pada itu, Ismail memberitahu bahawa kawasan hijau bandar dapat mengurangkan bunyi bising dan pencemaran udara selain memberi pelbagai faedah kepada hidupan liar serta penduduk bandar dari segi keperluan sosiologi, fisiologi serta kerohanian masing-masing.

# Beri input melalui aplikasi Belanjawan Bersama – MPPP 2015

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Semua warga Pulau Pinang boleh menyumbang dan memberi input ke arah proses pengubalan belanjawan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan hanya memuat turun aplikasi, Belanjawan Bersama menerusi telefon bimbit pintar masing-masing.

Aplikasi atas inisiatif khas dua Ahli Majlis MPPP, Mohd. Hariszuan Jaharudin dan Chris Lee Chun Kit tersebut bagaimanapun bukan platform rasmi, sebaliknya, tambahan kepada saluran sedia ada yang disediakan MPPP sebelumnya.

Mohd. Hariszuan berkata, aplikasi berkenaan merupakan segmen bagi menggalakkan masyarakat memberi input kepada MPPP mengenai cara belanjawan diguna serta disalurkan mengikut permintaan serta pendapat masing-masing.

“Walaupun ini bukannya platform rasmi, ianya berperanan sebagai sokongan kepada pihak kerajaan tempatan dalam proses pengubalan belanjawan tahun hadapan (2015).

“Penglibatan lebih ramai masyarakat adalah faktor penting kerana sifat kerajaan tempatan itu sendiri yang berurusan dengan perkara seharian bersifat lokal seperti pengurusan jalan, infrastruktur, kebersihan dan lain-lain.

“Umumnya, penglibatan ini akan mempengaruhi keputusan yang bakal dilaksanakan kemudiannya,” ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Majlis MPPP, Mhd. Nasir Yahya dan Dr. Tan Kim Hooi.

Tambah Mohd. Hariszuan, aplikasi yang dibangunkan itu juga berperanan sebagai medium pendidikan.

“Aplikasi ini akan membantu masyarakat memahami fungsi dan peranan MPPP.

“Ia boleh digunakan sebagai semakan terhadap pecahan belanjawan sedia ada, sama ada menepati keutamaan masyarakat atau sebaliknya,” jelas beliau.

Pautan aplikasi boleh dimuat turun dari *Google Play* di bawah carian Belanjawan Bersama - MPPP 2015 atau melalui laman sesawang, *Citizen Action Technology* (CAT) Penang di *http://car.betterpg.com* .



CHRIS Lee Chun Kit menunjukkan aplikasi Belanjawan Bersama yang dimuat turun menggunakan telefon bimbit pintar pada sidang media di sini baru-baru ini.

## MPPP WATCH / FACEBOOK MPPP

**MAJLIS** Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di bawah Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Korporat ingin memaklumkan kepada orang awam khasnya penduduk Pulau Pinang berkenaan medium baru penyampaian maklumat dan pengaduan iaitu *Facebook*.

Bagi mengemukakan sebarang aduan atau cadangan kepada pihak majlis, orang awam perlu ‘*like*’ *page* ***MPPP WATCH*** dan *post* segala aduan dan cadangan tersebut di *wall* dan pihak *admin* majlis akan menjawab dengan kadar segera setiap aduan dan cadangan yang dikemukakan.



Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Official Page.

Manakala *page facebook* MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, *OFFICIAL PAGE* hanya digunakan sebagai medium penyampaian maklumat untuk program-program rasmi MPPP, notis pemberitahuan dan maklumat terkini mengenai MPPP dari semasa ke semasa.

Diharapkan pihak orang awam dapat menggunakan medium saluran baru ini dengan sebaik mungkin bagi membolehkan pihak Majlis memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Usaha ini adalah selaras dengan Visi dan Misi Majlis ke arah menyampaikan perkhidmatan yang unggul melalui amalan konsep *“no wrong door policy”*.

Medium penyampaikan maklumat. Medium kemukakan aduan & cadangan.



MPPP Watch.



# Hayati Ramadan sebelum capai kemenangan - Malik



**SUMBANGAN...** Seramai 100 golongan kurang bernasib baik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung menerima bantuan khas Aidilfitri berupa barangan keperluan harian sempena majlis berbuka puasa di Masjid Jamek Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.

Tambah bermakna, majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Majlis dihadiri lebih 300 pengunjung tersebut turut diserikan dengan tazkirah oleh Ustaz Mutalib Maaruf dari Yayasan An-Nahdhoh, Kubang Semang, Bukit Mertajam.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, beliau mengajak umat Islam yang hadir pada majlis tersebut supaya bersama-sama meningkatkan amal ibadat di bulan Ramadan sebelum berjaya mengecapi kemenangan pada Hari Raya Aidilfitri kelak.

"Ini kerana, bulan Ramadan sangatlah istimewa bagi umat Islam, tambahan pula pada dalamnya terdapat malam yang lebih baik dari seribu bulan iaitu malam lailatulqadar,'' katanya di sini baru-baru ini.

**ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Ketua Menteri dan Sim Tze Tzin (tiga dari kiri) pada Majlis Berbuka Puasa di Masjid Jamek Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.**

## Bazar Ramadan Kampung Melayu terbaik - ADUN

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



**WONG Hon Wai (kiri sekali) menunjukkan kebolehan memanggang ikan ketika mengadakan lawatan ke Bazar Ramadan Kampung Melayu di sini baru-baru ini.**

**AIR ITAM** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini mengadakan lawatan ke tapak Bazar Ramadan Kampung Melayu di sini bagi mengedarkan 200 paket bubur lambuk kepada pengunjung di bazar tersebut.

Serentak dengan lawatan itu, beliau sempat meluangkan masa melawat hampir 110 buah gerai di bazar berkenaan.

Selain memantau harga makanan, beliau turut menasihati para peniaga di bazar berkenaan untuk memastikan tahap kebersihan terjamin demi keselesaan dan keselamatan pembeli.

Menurutnya, Bazar Ramadan Kampung Melayu adalah antara bazar paling meriah dan paling banyak menyajikan juadah berbuka di Pulau Pinang.

"Selama enam tahun, saya masih merasakan Bazar Ramadan Kampung Melayu adalah yang terbaik dari segi kualiti makanan dan kepelbagaian juadah berbuka puasa," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Serentak itu, beliau turut mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri serta mengingatkan supaya berhati-hati di jalan raya apabila pulang beraya ke kampung halaman kelak.

## Golongan asnaf terbela, tanggungjawab sosial PPK



**MUHASDEY Muhammad (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan zakat kepada salah seorang penerima di Kampung Permatang Saga di sini baru-baru ini.**

**ZIARAH ASNAF...** Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad baru-baru ini menyerahkan sumbangan zakat berupa beras, gula, minyak masak dan makanan asas lain dari rumah ke rumah kepada 240 golongan asnaf dan fakir miskin di lapan kawasan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di sini.

Muhasdey ketika ditemui berkata, program Ziarah Asnaf tersebut adalah aktiviti tanggungjawab sosial bulanan yang bukan sahaja diadakan sepanjang bulan Ramadan tetapi juga sepanjang tahun.

Jelas beliau, program tersebut diteruskan di bulan Ramadan bagi meringankan beban kewangan golongan asnaf, fakir miskin, ibu tunggal, warga emas yang terlantar dan orang kurang upaya (OKU) membuat persiapan menyambut kehadiran Aidilfitri.

"Melalui dana dari Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), nasib golongan asnaf di sini terus terbela dan kita sampaikan sumbangan kepada mereka yang benar-benar memerlukan," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain itu, beliau turut menyampaikan sumbangan bubur lambuk sebagai juadah berbuka kepada penerima sumbangan zakat.

# Majlis harap beri semangat - MP

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**



PARA penduduk menikmati juadah berbuka puasa.



LEE Khai Loon (enam dari kiri) beramah-mesra dengan penduduk Kampung Permatang Tok Subuh, Bukit Mertajam pada jamuan berbuka puasa yang diadakan di sini baru-baru ini.

**BUKIT MINYAK –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk beramah-mesra bersama-sama umat Islam di kawasannya bersempena bulan Ramadan yang mulia ini.

Baru-baru ini, beliau menghadiri jamuan berbuka puasa bersama-sama penduduk Kampung Permatang Tok Subuh dekat Bukit Mertajam di sini.

ADUNnya, Lee Khai Loon berkata, program ziarah tersebut bertujuan mendekati 35 keluarga penduduk asal kampung berkenaan yang berdepan dengan tindakan pengusiran daripada tuan tanah.

"Program ziarah pada hari ini bertujuan untuk menunjukkan semangat solidariti dengan penduduk asal di sini bagi melalui cabaran yang dihadapi.

"Saya berharap agar keputusan yang akan dikeluarkan oleh mahkamah tidak lama lagi akan memihak kepada penduduk dan menjadi hadiah sempena hari raya," ujar beliau pada majlis tersebut.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong turut hadir pada majlis jamuan berbuka puasa itu.

Pada program sama, Khai Loon dan Chee Keong turut menyampaikan sumbangan berupa buah kurma dan wang saguhati kepada penduduk bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti sepanjang bulan Ramadan ini.

Dalam pada itu, Khai Loon turut berpesan kepada penduduk terbabit agar terus berjuang mempertahankan hak masing-masing di samping tabah menghadapi ujian ini.

"Harapan saya agar penduduk tidak tertekan menghadapi situasi ini dan dapat menyambut hari raya tanpa rasa gelisah," tambah beliau.

Menurut Chee Keong, diharap majlis diadakan dapat memberi semangat kepada penduduk kampung terbabit menghadapi hari raya tidak lama lagi.

"Walaupun kehadiran kami pada kali ini amat ringkas, sekurang-kurangnya penduduk di sini tidak berasa seperti dibiarkan sahaja.

"Kita akan bersama dengan penduduk bagi membantu mereka menyelesaikan kemelut ini," ujar beliau.



HALIL Sabri Hamid (berkopiah) mengedarkan bubur lambuk kepada penduduk sekitar di Kuala Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

# 20 asnaf terima sumbangan, bubur lambuk

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TELUK BAHANG –** Bulan Ramadan disambut dengan penuh syukur dan ceria oleh 20 asnaf di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau apabila menerima sumbangan zakat berupa beras, hamper barang-barang keperluan asas serta bubur lambuk baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, sumbangan zakat tersebut adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada komuniti bagi meringankan bebanan dalam menghadapi bulan Ramadan ini.

"Sumbangan diberikan kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukan bantuan, contohnya warga emas yang terlantar dan uzur, ibu-ibu tunggal dan mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

"Semoga sambutan Ramadan kali ini lebih berkat dan harap sumbangan disumbangkan memberi keriangan kepada mereka," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain sumbangan zakat, Halil Sabri turut berkesempatan mengedarkan hampir 350 bekas bubur lambuk kepada penduduk di sini.

Sumbangan dari rumah ke rumah sekitar Taman Nelayan turut diadakan dan ia disampaikan sendiri oleh beliau.

# MP kumpul pakaian raya terpakai bermutu sempena 1 Syawal

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



P. Kasthuriraani.

**BUKIT TAMBUN –** Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani membuka tiga pusat pengumpulan pakaian terpakai bermutu di sepanjang bulan Ramadan ini supaya aktiviti amalan itu boleh dimanfaatkan keluarga umat Islam terpilih setempat sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Program amal Syawal bertemakan 'Beraya Bergaya Bersama' itu diharap dapat menggalakkan komuniti untuk tidak membazir, memberi sedekah dan yang paling penting adalah renungan bersama akan kepentingan orang yang kurang bernasib baik untuk hidup selesa sebagaimana menjadi mesej berpuasa pada bulan Ramadan ini.

"Sesiapa pun boleh menyumbang jika ada pakaian raya terpakai bermutu bagi lelaki, wanita dan kanak-kanak untuk diagihkan kepada golongan terpilih sebelum 1 Syawal nanti," ujarnya di Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Pengumpulan pakaian raya terpakai bermutu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai adalah Surau Perai (Suhairi, 011 – 1474 0596), DUN Bukit Tengah di Kedai Pak Ya Kebun Sireh (Zahir, 019 – 413 5645) dan DUN Bukit Tambun di Masjid Al-Insaniah Simpang Empat (Shahidi, 012 – 468 4574).

"Selain tiga pusat pengumpulan ini, pakaian raya bermutu turut boleh dikumpulkan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Batu Kawan," jelas Kasthuriraani.

Info lanjut, hubungi Pegawai Seranta, Rajhan pada talian, 04 – 568 1638 atau 010 – 231 5253.

# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat
# Program-program EMAS Untuk Semua




**Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat**